

18/11/1999

Nik Aziz mengata keturunan Dr Mahathir

PASIR MAS, Rabu - Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengkotakan apa yang dikatakan bahawa Islam menghalalkan seseorang untuk kata-mengata sepanjang kempen pilihan raya kali ini, apabila beliau menyentuh peribadi Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ceramahnya di Pondok Kubang Uban, di sini malam tadi.

Mursyidul Am Pas itu berkata, Umno mempertahankan ketuanan Melayu, tetapi presidennya 'India' berbeza dengan Pas yang mempertahankan ketuanan Islam, bukan ketuanan Melayu.

"Kamu (Umno) nak jaga ketuanan Melayu, tetapi presiden kamu sendiri India. Muka pun cam (mukanya pun kita kenal), ayah dia pun Kutty. Jadi, nak jaga ketuanan Melayu tapi presiden mu sendiri India.

"Kita (Pas) kena beri syaratnya Islam. Mu terima Mahathir bukan kes dia tu India, tapi kerana Islam.

"Ertinya ketuanan Islam. Bukan ketuanan Melayu. Pas nak jaga ketuanan Islam, bukannya ketuanan Melayu," katanya.

Bagaimanapun, pakar undang-undang, Datuk Dr Rais Yatim ketika dihubungi di Kuala Lumpur berkata, sifat kemelayuan Dr Mahathir tiada cacat celanya kerana menepati takrifan Melayu yang digariskan Perlembagaan Persekutuan.

Sebaliknya, katanya, sifat kemelayuan Nik Aziz boleh dipertikaikan kerana beliau melanggar ajaran Islam serta adat Melayu apabila mencerca dan menjatuhkan maruah individu lain.

Katanya, Perkara 161 Perlembagaan Persekutuan mentakrifkan Melayu sebagai seorang yang berbahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu.

"Bagi Dr Mahathir ketiga-tiga syarat ini adalah lengkap. Justeru, sifat kemelayuan beliau tiada cacat celanya.

"Sebaliknya Nik Aziz sendiri yang kurang Melayunya kerana beliau tidak mengikut adat Melayu," katanya.

Rais turut membidas tindakan Nik Aziz itu yang bertentangan dengan sifat seorang yang mengaku ulama.

Katanya, Nik Aziz ternyata tidak memahami serta tidak mahu memahami Perlembagaan negara serta sering mengeluarkan kenyataan yang tidak menentu.

"Justeru, rakyat harus menilai Nik Aziz," katanya.

Kelmarin, ketika berceramah di Kampung Gong Chapa di Pasir Puteh, Nik Aziz yang sebelum ini mendakwa Islam tidak melarang umatnya mencarut, menghalalkan seseorang untuk kata-mengata sepanjang kempen pilihan raya kali ini.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, kata-mengata memang wujud dalam kempen politik, sama ada oleh penceramah Pas atau Umno, untuk mengukuhkan hujah masing-masing.

Katanya, ia dihalalkan asalkan perkataan yang digunakan tidak mencetus kekecewaan dan rasa tersinggung jika dikaitkan dengan peribadi seseorang.

(END)